

09 OCT 1996

Umno-Mesyuarat

AHMAD ZAHID DAN SITI ZAHARAH HADIR MESYUARAT MT UMNO

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno yang baru dipilih, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di Menara Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, malam ini.

Mesyuarat yang bermula kira-kira 9.45 malam dipengerusikan oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang turut hadir ialah Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ahmad Zahid dan Siti Zaharah masing-masing dipilih sebagai ketua pergerakan Pemuda dan Wanita pada pemilihan petang tadi.

Ahmad Zahid memperolehi 199 undi mengalahkan penyandang jawatan itu, Tan Sri Rahim Tamby Chik, yang mendapat 103 undi.

Siti Zaharah pula mendapat 271 undi mengalahkan penyandang Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz dengan majoriti 27 undi. Rafidah mendapat 244 undi.

Terdahulu, Ahmad Zahid dan Siti Zaharah masing-masing menyambut ketibaan Dr Mahathir di pintu masuk bangunan Menara Onn dan mengiringi Dr Mahathir ke tingkat 39 bangunan itu untuk menghadiri mesyuarat berkenaan.

Sebelum mesyuarat bermula, Ahmad Zahid duduk di kerusi Ketua Pergerakan Pemuda manakala Siti Zaharah duduk di kerusi Ketua Pergerakan Wanita sambil diperhatikan oleh anggota-anggota Majlis Tertinggi lain.

Rafidah juga bertemu Dr Mahathir di pintu masuk Menara Onn. Beliau kemudian bersalaman dengan pemimpin parti itu dan kemudian meninggalkan bangunan itu.--BERNAMA

ARA NAK